

Banjir: Umno kecewa dengan sumbangan Kedah
Malaysiakini.com
March 26, 2011

Umno Bahagian Kuala Kedah kecewa dengan komitmen dan sumbangan kerajaan negeri Kedah pimpinan PAS terhadap mangsa banjir di kawasan Anak Bukit dan Kubang Rotan di Kuala Kedah, November lalu.

Ketuanya, Datuk Latt Shahrman Abdullah, berkata kerajaan negeri seharusnya lebih bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat yang menghadapi bencana.

Katanya Umno Kuala Kedah mengeluarkan sebanyak RM200,000 dana parti dan Umno negeri lebih RM300,000 untuk membeli keperluan bagi mangsa banjir di kawasan itu.

"Saya menerima banyak rungutan tidak puas hati mangsa banjir terhadap kerajaan negeri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil penghargaan kepada 222 sukarelawan banjir 2010 zon Alor Janggus di Sekolah Kebangsaan Haji Abdullah Sadun, dekat Alor Setar, hari ini.

Latt Shahrman, yang juga Pegawai Tugas-tugas Khas kepada Perdana Menteri, mendakwa ramai mangsa banjir di kedua-dua kawasan sedih kerana Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak tidak mengunjunginya untuk melihat masalah mereka.

Kedua-dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Kubang Rotan dalam Parlimen Kuala Kedah itu dimenangi PAS pada pilihan raya umum 2008.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/159748>